KOLEJ KOMUNITI KULIM

PERATURAN DAN TATACARA PENGGUNAAN PERALATAN ICT ASET DAN SEWAAN

1. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua peralatan ICT dan tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran perkakasan dan konfigurasi yang telah ditetapkan.

2. Menyimpan dan meletakkan semua peralatan ICT di tempat yang teratur, bersih dan mempunyai ciri-ciri keselamatan serta mudah dicapai oleh juruteknik komputer bagi tujuan penyelenggaraan dan baik pulih.

3. Pengguna tidak dibenarkan mengubah kedudukan peralatan ICT dari tempat asal ia ditempatkan tanpa kebenaran Unit ICT.

4. Pengguna dilarang sama sekali menambah, menanggal atau mengganti sebarang perkakasan ICT yang telah ditetapkan kecuali mendapat kebenaran unit ICT.

5. Sebarang pelekat selain bagi tujuan rasmi tidak dibenarkan. Ini bagi menjamin peralatan tersebut sentiasa berkeadaan baik.

6. Pengguna bertanggungjawab di atas kerosakan atau kehilangan peralatan ICT di bawah kawalannya.

7. Sebarang kerosakan peralatan ICT hendaklah dilaporkan kepada Unit ICT untuk di baik pulih.

8. Semua peralatan sokongan ICT perlu dilindungi daripada kecurian, kerosakan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian tanpa kebenaran.

9. Peralatan ICT yang hilang hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Aset di Jabatan/Unit masing-masing dengan segera.

10. Sebarang bentuk penyelewengan atau salah guna peralatan ICT hendaklah dilaporkan kepada Uni ICT.

11. Semua peralatan yang digunakan secara berterusan perlu diletakkan di kawasan yang berhawa dingin dan mempunyai pengudaraan (*air ventilation*) yang sesuai.

12. Pengguna perlu memastikan agar *plug* dicabut daripada suis utama (*main switch*) bagi mengelakkan kerosakan perkakasan sebelum meninggalkan pejabat bagi mengelakkan berlaku kejadian seperti petir, kilat dan sebagainya.

13. Peralatan ICT yang hendak dibawa keluar dari premis perlu mendapat kelulusan Ketua Jabatan/Unit dengan mengisi Borang Permohonan Pergerakan / Pinjaman Aset Alih yang boleh didapati di Unit ICT.

14. Pengguna dilarang membuat instalasi sebarang perisian tambahan tanpa kebenaran Unit ICT.

15. Pengguna mesti memastikan perisian antivirus dan *windows update* sentiasa aktif (*activated*) dan dikemas kini di samping melakukan imbasan ke atas media storan yang digunakan.

16. Konfigurasi alamat IP tidak dibenarkan diubah daripada alamat IP yang asal.